



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA VISUAL INTERAKTIF MY LOCAL STATS

Visual interaktif My Local Stats merakyatkan statistik seiring kemajuan teknologi digital

PUTRAJAYA, 7 JANUARI 2022 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah memuatnaik data My Local Stats 2020 di platform **visual interaktif My Local Stats** versi portal DOSM dan *mobile apps* DOSM. Visual interaktif ini memaparkan statistik sosioekonomi utama di peringkat negeri dan daerah pentadbiran dari 2018 hingga 2020 berdasarkan penerbitan My Local Stats 2020 yang telah diterbitkan pada 26 Oktober 2021.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Visual interaktif My Local Stats memudahkan pencarian data menggunakan platform mesra pelanggan serta menyediakan dimensi baharu untuk mengakses statistik secara visual. Visualisasi data juga dilihat mampu menarik lebih ramai pengguna untuk menghayati statistik selain memudahkan pengguna memperoleh pelbagai data di satu platform yang sama."

Secara keseluruhannya, visual interaktif meliputi 16 bidang dan mengandungi 374 indikator ekonomi dan sosial. Antara indikator yang tersedia dalam kedua-dua versi web dan *mobile apps* sehingga peringkat negeri dan daerah pentadbiran ialah penduduk mengikut jantina dan etnik; saiz keluasan tanah; bilangan stok kediaman sedia ada, bilangan unit kediaman yang siap dibina, bilangan penawaran unit kediaman akan datang dan bilangan penawaran unit kediaman yang dirancang; statistik utama tenaga buruh; bilangan hospital dan klinik kerajaan; sebab utama kematian yang disahkan secara perubatan dan bilangan ketua isi rumah miskin. Manakala, antara indikator yang tersedia di peringkat negeri ialah bilangan kakitangan perubatan; nilai eksport dan import mengikut pintu keluar dan masuk dan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).

Menurut Ketua Perangkawan, “Berbanding visual interaktif sebelum ini, My Local Stats 2020 memaparkan tambahan 42 indikator baharu. Antara indikator tersebut adalah trend harga penengah rumah dan jenis rumah; bilangan sekolah, murid dan guru di sekolah rendah dan menengah swasta; dan kadar mortaliti mengikut negeri dan daerah pentadbiran. Manakala, keluasan kawasan berhutan dan tidak berhutan; bilangan kes positif dan kematian disebabkan COVID-19 tersedia sehingga peringkat negeri.”

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut berkata, “Ketersediaan statistik di peringkat tempatan yang lebih terperinci memberi manfaat kepada kerajaan negeri dan daerah dalam menambahbaik dasar, tadbir urus dan keperluan sosioekonomi rakyat. Justeru itu, apabila berlaku ketidakseimbangan sosioekonomi di peringkat global, data yang tersedia sehingga peringkat daerah dapat menjadi input penting dalam penyediaan perancangan yang lebih bersasar berbanding ketersediaan data di peringkat negeri dan nasional sahaja.”

Mengulas lanjut mengenai kesan bencana banjir yang melanda negara, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Statistik yang diterbitkan di My Local Stats seperti jumlah penduduk, guna tenaga, fasiliti kesihatan, perkhidmatan kebajikan dan keselamatan awam boleh dijadikan rujukan penting bagi maklumat penyaluran bantuan kepada ahli isi rumah yang terkesan dengan bencana banjir di daerah pentadbiran yang terlibat.”

Visual interaktif My Local Stats ini boleh diakses melalui pautan <https://tinyurl.com/dashboardmylocalstats>.

Jabatan Perangkaan Malaysia sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022. Jabatan ini amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada pegawai DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
7 JANUARI 2022**



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

MY LOCAL STATS INTERACTIVE VISUALISATION

My Local Stats's interactive visualisation enhance usage of statistics in tandem with digital technology advances

PUTRAJAYA, 7 JANUARY, 2022 – Today the Department of Statistics Malaysia has uploaded My Local Stats 2020 data on the platform ***My Local Stats interactive visualisation***, on DOSM's portal and DOSM's mobile apps. This interactive visualisation contains key socio-economic statistics at state and administrative district level from 2018 until 2020 based on the publication of My Local Stats 2020 which was published on 26 October 2021.

According to the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, “My Local Stats interactive visualisation facilitates data searching using a user friendly platform as well as provides a new dimension to access statistics visually. The data visualisation is also seen to be able to attract more users in appreciating the insights of statistics as well as making it easier for users to obtain various data on the same platform.”

In overall, the interactive visualisation comprises 16 areas and contains 374 economic and social indicators. Among the indicators available in both web and mobile apps up to the state and administrative district levels are population by sex and ethnic; size of land area; the number of existing stock of residential units, the number of completed residential units, the number of incoming supply of residential units and the number of planned supply of residential units; principal statistics of labour force; number of government hospitals and clinics; principal causes of deaths medically certified and the number of registered head of poor households. Meanwhile, among the indicators available at the state level is the number of medical staff; exports and imports value by exit and entry points and Gross Domestic Product (GDP).

According to the Chief Statistician, “Compared to the previous interactive visualisation, My Local Stats 2020 features an additional 42 new indicators. Among the indicators are the trend of median house price and house type; the number of schools, pupils and teachers in private primary and secondary schools; and mortality rates by state and administrative district. Meanwhile, the area of forested and non-forested areas; the number of positive cases and deaths due to COVID-19 are available up to the state level.”

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “The availability of more detailed statistics at the local level benefits state and district governments in improving policies, governance and people's socio-economic needs. Hence, when socio-economic imbalances occur at the global level, data availability up to the district level serves as a better input in the preparation of more targeted planning rather than the availability of data at the state and national levels only.”

Commenting further on the effects of the floods that hit the country, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “The statistics published in My Local Stats such as population, employment, health facilities, welfare services and public safety can be used as an important reference for information on aid distribution to household members affected by floods in the respective administrative district.”

The My Local Stats interactive visual can be accessed via a link
<https://tinyurl.com/dashboardmylocalstats>.

The Department of Statistics Malaysia is conducting Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 until 31st December 2022. The Department is gratefully acknowledges the co-operation provided by the selected respondents to share the information to DOSM's officer's and making the survey a success. Please visit www.dosm.gov.my for further info.

Released by:

CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA OFFICE
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
7 JANUARY 2022